Penyampai : TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN

Tajuk : TEKS UCAPAN: PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA)

Lokasi : SEPERTI DINYATAKAN DI BAWAH

Tarikh : 05-06-2020

TEKS UCAPAN

YAB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD YASSIN
PERDANA MENTERI MALAYSIA

PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA)
5 JUN 2020 (JUMAAT)

Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

1. Apa khabar semua? Saya harap saudara-saudari sihat dan telahpun menyambut Hari Raya Aidilfitri serta Hari Gawai dan Pesta Kaamatan dengan penuh kesyukuran walaupun sambutan kali ini agak berbeza. Hari ini sudah 13 Syawal dan mungkin juga ada yang sudah selesai berpuasa enam. Kalau yang belum mula, masih ada masa.

2. Sejak 2 minggu yang lalu, saya telah menjalani kuarantin di rumah kerana dikategorikan sebagai kontak rapat seorang pegawai kerajaan yang disahkan positif COVID-19. Apa yang berlaku ini tidak dijangka. Tetapi inilah sifat virus yang sedang kita hadapi. Kita tidak tahu bila dan di mana kita mungkin berada dalam keadaan berisiko dijangkiti virus ini.

3. Namun, Alhamdulillah keputusan saringan saya dan semua kontak rapat yang lain adalah negatif. Saya fikir antara sebabnya ialah penjarakan sosial yang sentiasa diamalkan dalam semua mesyuarat dan pertemuan yang saya hadir. Ini menunjukkan betapa pentingnya kita mengamalkan penjarakan sosial untuk mengelakkan diri kita daripada dijangkiti virus ini. Jadi, nasihat saya kepada saudara-saudari amalkanlah penjarakan sosial walau di mana sahaja saudara-saudari berada. Ia mungkin pelindung atau benteng terakhir sudara-saudari daripada ancaman jangkitan COVID- 19.

4. Kita telahpun mengharungi krisis COVID-19 hampir 3 bulan. Para petugas barisan hadapan dan pasukan keselamatan bekerja siang dan malam tanpa cuti ataupun rehat di hujung minggu. Alhamdulillah, dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan dan disiplin anda semua, penularan COVID-19 di negara kita telah dapat dibendung dengan lebih 80 peratus kes pulih sepenuhnya. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua petugas barisan hadapan di atas pengorbanan dan komitmen yang dicurahkan.

5. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua rakyat Malaysia yang terus mematuhi SOP dalam menjalankan aktiviti harian sepanjang tempoh PKP dan PKP Bersyarat dilaksanakan. Sekiranya kita dapat terus mematuhi SOP yang ditetapkan dan kes COVID-19 kekal terkawal, saya yakin sektor-sektor yang masih dilarang pada masa ini akan dapat dibuka dengan lebih cepat.

Saudara dan saudari yang saya kasihi sekalian,

6. Menyantuni Titah Diraja, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena pembukaan penggal ketiga Parlimen ke-14 yang lepas, Baginda telah bertitah agar Jemaah Menteri melaksanakan segala amanah dengan jujur dan penuh tanggungjawab serta jangan sekali-kali mengabaikan kesejahteraan rakyat jelata. Menjunjung titah Tuanku, saya kerap mengingatkan Jemaah Menteri agar sentiasa komited dan ikhlas dalam menjalankan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan.

7. Lebih-lebih lagi dalam menghadapi situasi ekonomi yang agak mencabar pada waktu ini. Akibat penularan wabak COVID-19, ekonomi dunia kini menghadapi krisis yang terburuk sejak zaman Kemelesetan Ekonomi atau Great Depression pada tahun 1930-an. Kadar

pengangguran dijangka akan meningkat kepada dua angka di Amerika Syarikat, India, Kanada, Sepanyol dan China. Konflik perdagangan serta pergolakan politik di beberapa negara akan memburukkan lagi keadaan. Ini sekaligus memberi kesan yang lebih negatif kepada ekonomi dunia.

8. Berdasarkan unjuran IMF pada bulan April 2020, pertumbuhan ekonomi dunia adalah pada kadar negatif 3 peratus. Buat kali pertama sejak kemelesetan ekonomi pada tahun 1930-an, negara-negara maju dan membangun mengalami penguncupan ekonomi.

9. Saya ingin mengambil sikap berterus-terang dengan saudara dan saudari semua mengenai kedudukan ekonomi negara kita. Seperti negara-negara lain, Malaysia juga menghadapi cabaran yang agak getir. Kadar pengangguran di Malaysia adalah di paras 3.9 peratus atau sekitar 610,000 orang pada bulan Mac 2020. Mengikut unjuran Jabatan Perangkaan Malaysia pada 14 Mei 2020, kadar pengangguran dijangka akan meningkat kepada 5.5 peratus atau lebih 860,000 orang penganggur untuk keseluruhan tahun 2020. Dengan mengambil kira situasi yang mencabar ini, ekonomi Malaysia dijangka menguncup pada suku kedua tahun ini berikutan usaha pembendungan penularan wabak COVID-19 yang masih dijalankan di peringkat global dan dalam negara.

10. Untuk menangani situasi semasa ekonomi dan meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat, Kerajaan telah memperkenalkan pakej-pakej rangsangan ekonomi, termasuk Pakej PRIHATIN dan PRIHATIN PKS Tambahan berjumlah RM260 bilion.

11. Susulan itu juga, pada 4 Mei yang lepas Kerajaan telah membenarkan pembukaan beberapa sektor bagi menjamin kelangsungan ekonomi negara.

12. Sehingga 2 Jun 2020, Jabatan Perangkaan mendapati bahawa lebih kurang 12.7 juta atau 83.5 peratus pekerja telah mula bekerja berbanding 10.2 juta atau 67.2 peratus pada 17 Mei 2020.

13. Alhamdulillah, pakej-pakej rangsangan ekonomi yang telah dilaksanakan oleh kerajaan telah berjaya menyelamatkan lebih 2.4 juta pekerjaan, mengurangkan beban aliran tunai hampir 11 juta rakyat serta memberi sokongan kepada lebih 300 ribu syarikat. Pelaksanaan Pakej PRIHATIN masih berterusan pada masa ini.

14. Walaupun sektor-sektor ekonomi telah dibuka, kita bersyukur kerana wabak COVID-19 kekal terkawal. Sehingga kini tidak berlaku peningkatan mendadak atau spike kes-kes positif COVID-19. Ini kerana majikan, peniaga, pekerja dan pelanggan di premis-premis perniagaan rata-ratanya mematuhi arahan garis panduan dan SOP yang ditetapkan.

15. Banyak juga premis yang memudahkan pelanggan dengan hanya mengimbas kod QR tanpa perlu lagi mendaftar nama dan nombor telefon di dalam buku. Saya juga dapati rakyat sabar berbaris sebelum memasuki premis seperti pasaraya dan kedai makan serta mengamalkan penjarakan sosial. Inilah "New Normal" atau Kebiasaan Baharu yang perlu diamalkan oleh kita semua. Teruskanlah amalan ini dengan penuh disiplin.

Saudara dan saudari yang saya kasihi sekalian,

16. Sepertimana yang telah saya kongsi sebelum ini, strategi Kerajaan dalam menangani cabaran COVID-19 merangkumi 6 pendekatan atau dikenali sebagai "6R" iaitu Ketegasan (Resolve), Ketahanan (Resilience), Memulakan semula (Restart), Pemulihan (Recovery), Memperkasa (Revitalise) dan Menyusun Semula (Reform).

17. Kita bakal memasuki tahap keempat iaitu Pemulihan atau Recovery.

18. Maka pada hari ini, mengambil keberkatan hari Jumaat penghulu segala hari, sukacita saya memaklumkan Kerajaan akan memperkenalkan **PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA** atau secara ringkasnya **PENJANA** dengan tema "**Bersama Menjana Ekonomi**".

19. Di bawah PENJANA, Kerajaan telah mengenalpasti 3 teras utama iaitu:

Pertama: Memperkasakan Rakyat (Empower People);

Kedua: Melonjakkan Perniagaan (Propel businesses); dan

Ketiga: Merangsang Ekonomi (Stimulate the economy)

20. Secara keseluruhan, terdapat **40 inisiatif** bernilai **RM35 bilion** di bawah **PENJANA**. Daripada jumlah ini, sebanyak RM10 bilion merupakan suntikan fiskal langsung daripada Kerajaan.

Saudara dan saudari yang saya kasihi sekalian,

21. Saya tahu ramai dalam kalangan saudara saudari yang bimbang akan risiko kehilangan pekerjaan dan punca pendapatan berikutan banyak sektor dan aktiviti ekonomi terjejas dalam tempoh PKP. Saya faham ekonomi akan mengambil masa untuk pulih dan terdapat golongan masyarakat yang masih memerlukan bantuan sepanjang tempoh pemulihan ekonomi.

22. Untuk menangani cabaran kadar pengangguran yang meningkat dan memastikan pengekalan pekerjaan, Kerajaan akan memperuntukkan hampir RM9 bilion yang akan memanfaatkan seramai 3 juta tenaga pekerja melalui beberapa inisiatif.

23. Pertama, Perluasan Program Subsidi Upah bernilai RM5 bilion. Sejak diperkenalkan dalam Pakej PRIHATIN dan PRIHATIN PKS Tambahan, program subsidi upah telah disambut baik oleh pekerja dan majikan. Program selama 3 bulan ini telah berjaya menyelamatkan lebih 2.2 juta pekerjaan. Bagi membantu syarikat dalam tempoh peralihan pembukaan semula ekonomi, Kerajaan akan melanjutkan subsidi upah ini selama tiga bulan lagi. Memandangkan ekonomi telahpun dibuka secara berperingkat, subsidi upah ini ditetapkan pada kadar RM600 sebulan untuk setiap pekerja sehingga maksima 200 pekerja bagi setiap syarikat.

24. Bagi pekerja sektor pelancongan dan sektor-sektor yang tersenarai dalam aktiviti ekonomi yang dilarang sepanjang tempoh PKPB, serta telah diarahkan mengambil cuti tanpa gaji, majikan boleh memohon subsidi upah dengan syarat pekerja tersebut menerima bayaran subsidi secara langsung.

25. Kedua, Program Insentif Pengambilan Pekerja berjumlah RM1.5 bilion. Bagi menggalakkan pengambilan pekerja oleh majikan, Kerajaan akan memperkenalkan Program

Insentif Pengambilan Pekerja di mana syarikat akan diberikan insentif kewangan untuk memberi pekerjaan kepada golongan penganggur dan belia. Dianggarkan 300 ribu pencari kerja akan mendapat manfaat melalui dua insentif iaitu:

Pertama: Insentif bagi menggaji penggangur berumur di bawah 40 tahun sebanyak RM800 sebulan bagi setiap pekerja; dan

Kedua: Insentif bagi menggaji penganggur berumur 40 tahun dan ke atas dan golongan OKU sebanyak RM1,000 sebulan.

Insentif-insentif ini akan diberikan selama 6 bulan.

26. Bagi membantu dan menggalakkan penganggur meningkatkan kemahiran, elaun latihan sehingga RM4,000 boleh dituntut daripada PERKESO oleh mereka yang hilang pekerjaan, walaupun mereka bukan pencarum di bawah Skim Insurans Pekerjaan.

27. Bagi menangani isu kadar pengangguran belia dan meningkatkan kebolehpasaran graduan, Kerajaan juga akan menyediakan insentif kepada majikan yang menyediakan peluang perantis kepada lepasan sekolah dan graduan pada kadar RM600 sebulan.

28. Inisiatif seterusnya ialah Kerajaan akan memperuntukkan RM2 bilion bagi program peningkatan kemahiran untuk mereka yang sedang menganggur dan juga golongan belia. Ini akan memanfaatkan lebih daripada 200 ribu orang.

29. Bagi golongan belia, ini termasuklah program latihan dan penempatan (place and train), pelaksanaan kursus jangka pendek di institusi-institusi terpilih dan subsidi latihan.

30. Seterusnya, bagi golongan penganggur pula, Kerajaan akan melaksanakan program peningkatan kemahiran (upskilling) di dalam industri penting seperti elektrik dan elektronik serta teknologi maklumat dan komunikasi dan menggalakkan penyambungan pembelajaran melalui kursus jangka pendek dan subsidi latihan.

31. Kerajaan juga akan merangka dasar untuk menyokong pertumbuhan ekonomi gig dan kebajikan pekerja dalam sektor ini. Sebagai Kerajaan yang prihatin terhadap keselamatan sosial dan kebajikan golongan ini, sebanyak RM75 juta akan diperuntukkan bagi langkah-langkah berikut:

Pertama: Geran sejumlah RM50 juta dalam bentuk dana padanan akan diperuntukkan bagi platform ekonomi gig untuk mencarum bagi pekerjanya di bawah Skim Bencana Pekerjaan PERKESO dan Skim i-Saraan KWSP; dan

Kedua: Peruntukan sebanyak RM25 juta kepada MDEC bagi program Global Online Workforce (GLOW) yang bertujuan untuk membimbing rakyat Malaysia menjana pendapatan dalam talian melalui pelanggan antarabangsa.

32. Bagi menyelaras dan memantau pelaksanaan kesemua inisiatif di atas, Kerajaan akan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas Pekerjaan Nasional. Jawatankuasa ini akan dipengerusikan bersama oleh Menteri Kewangan dan Menteri Sumber Manusia dengan wakil-wakil dari sektor swasta dan sektor awam yang berkaitan.

Saudara dan saudari yang saya kasihi sekalian,

33. Selaras dengan saranan Kerajaan yang menggalakkan majikan, terutamanya industri PKS untuk melaksanakan konsep bekerja dari rumah atau work from home, insentif percukaian dan juga perlindungan insuran pekerjaan akan diberikan. Sebagai contoh, pengecualian cukai pendapatan sehingga RM5,000 kepada pekerja yang menerima manfaat dalam bentuk telefon bimbit, komputer riba atau tablet daripada majikan.

34. Bagi meningkatkan keyakinan ibu bapa untuk menghantar semula anak-anak mereka ke taska, Kerajaan akan memberikan geran kepada pengendali taska untuk mematuhi dan melaksanakan SOP yang ditetapkan. Selain itu, e-Baucar akan disediakan untuk perkhidmatan pengasuh kanak-kanak yang ditempah dalam talian dan juga insentif cukai pendapatan individu untuk yuran yang dibayar kepada taman asuhan dan taman didikan kanak-kanak sehingga RM3,000. Langkah ini akan dikawal selia oleh Kementerian Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat dan LHDN.

35. Saya memahami keperluan saudara-saudari yang menggunakan pengangkutan awam untuk keluar bekerja dan melakukan aktiviti-aktiviti lain. Bagi meringankan beban kos pengangkutan, Kerajaan akan memperkenalkan Program MY30 di mana pengguna hanya perlu membayar RM30 sahaja sebulan untuk menikmati pas perjalanan tanpa had bagi pengangkutan awam di bawah seliaan Prasarana di Lembah Klang. Inisiatif ini terbuka kepada semua warganegara dan akan berkuatkuasa mulai 15 Jun hingga hujung 2020. Saya ingin mengingatkan saudara- saudari supaya mematuhi SOP dan mengamalkan penjarakan sosial ketika menggunakan pengangkutan awam.

36. Kerajaan juga sentiasa mengambil berat akan kebajikan dan kesejahteraan kumpulan sasar seperti OKU dan ibu tunggal. Sehubungan itu, lebih 300,000 OKU dan ibu tunggal yang tersenarai di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat layak menerima bantuan one-off sebanyak RM300 bagi mengurangkan beban mereka. Bayaran ini InshaAllah akan disalurkan sebelum Hari Raya Aidiladha. Kerajaan juga akan memperuntukkan geran kepada pertubuhan bukan kerajaan yang berkaitan.

37. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengumumkan inisiatif “GLC Penjana Komuniti”. Tujuan program ini adalah untuk menggalakkan GLC mengangkat sesebuah komuniti dan menjalankan usaha bagi membangunkan keupayaan sosio-ekonomi komuniti tersebut.

38. Selain itu, kemudahan skim PEKA B40 akan diperkasakan dengan penambahan peruntukan sebanyak RM50 juta bagi membiayai saringan kesihatan dan kemudahan peralatan perubatan.

39. Dengan norma baharu, adalah penting untuk kita memastikan kelangsungan kehidupan harian terutamanya dalam aspek pekerjaan dan juga pendidikan untuk anak-anak. Justeru, Kerajaan dengan kerjasama syarikat telekomunikasi akan menyediakan perkhidmatan internet dengan kapasiti 1 gigabyte secara percuma untuk semua pengguna dari jam 8 pagi hingga 6 petang setiap hari untuk melayari laman web berkaitan pendidikan dan aplikasi persidangan video. Perkhidmatan internet percuma ini akan disediakan sehingga 31 Disember 2020. Selain itu, semua pengguna akan dapat mengakses secara percuma tanpa had laman web Kerajaan serta aplikasi COVID-19 Kerajaan, khususnya mySejahtera.

40. Sepanjang tempoh PKP, semua jenis perniagaan menghadapi pelbagai cabaran. Penutupan ekonomi selama dua bulan telah menyebabkan perniagaan menghadapi masalah aliran tunai termasuk untuk membayar gaji pekerja dan sewa premis.

41. Setelah ekonomi dibuka semula, Kerajaan juga telah menerima maklumbalas daripada sektor perniagaan mengenai pengurangan permintaan daripada pelanggan, serta ketidakupayaan peniaga untuk menggunakan teknologi digital bagi menjana jualan atas talian. Sehubungan itu, Kerajaan akan membantu setiap perniagaan, sama ada besar atau kecil, menerusi beberapa langkah.

42. Dalam usaha mendorong perusahaan mikro dan PKS beralih kepada khidmat digital atau atas talian, Kerajaan bersama sektor swasta akan membiayai usaha tersebut melalui geran padanan sebanyak RM140 juta. Peruntukan ini akan digunakan untuk sesi latihan, subsidi penjual dan bantuan penjualan. Inisiatif ini akan diterajui oleh MDEC bersama platform e-dagang yang terpilih.

43. Kerajaan dengan kerjasama syarikat swasta akan menjalankan kempen “Shop Malaysia Online” bagi menggalakkan rakyat berbelanja secara atas talian, di mana kod promosi dan pelbagai baucar diskaun akan diberi melalui platform e-dagang. Sebagai permulaan, Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM70 juta yang akan dipadankan dengan jumlah yang sama oleh platform e-dagang.

44. Seterusnya, bagi PKS dan syarikat di peringkat pertengahan atau mid-tier companies, Kerajaan akan meneruskan pemberian geran dan pinjaman berjumlah RM700 juta untuk membolehkan lebih banyak syarikat melanggan atau menggunakan perkhidmatan digitalisasi. Ini termasuk:

Pertama: RM100 juta Geran Padanan Digital PKS yang akan disediakan dengan kerjasama syarikat telekomunikasi;

Kedua: RM500 juta di bawah Dana Transformasi Teknologi PKS sebagai pinjaman mudah; dan

Ketiga: RM100 juta Geran Automasi Pintar, di mana setiap syarikat yang layak akan menerima geran sehingga RM1 juta.

45. Dalam usaha membantu kelangsungan PKS yang terlibat dalam sektor kepentingan yang disasarkan, sektor perbankan akan menawarkan dana tambahan sebanyak RM2 bilion melalui Skim Pembiayaan PKS PENJANA. Pembiayaan ini boleh dipohon mulai pertengahan Jun 2020 dengan had sehingga RM500 ribu bagi setiap PKS.

46. Untuk membantu sektor pelancongan, Skim Pembiayaan Pelancongan PENJANA bernilah RM1 bilion akan ditawarkan untuk membiayai inisiatif transformasi oleh PKS dalam sektor pelancongan agar terus berdaya saing dalam era kebiasaan baharu. Perincian dana ini akan diumumkan oleh Bank Negara Malaysia pada bulan Julai 2020.

47. Untuk perusahaan mikro pula, Kerajaan akan mewujudkan Pembiayaan Mikro PENJANA dengan kerjasama Bank Simpanan Nasional dan TEKUN Nasional bagi pembiayaan sebanyak RM400 juta di mana RM50 juta akan dikhususkan kepada usahawan wanita.

48. Dalam usaha untuk memperkasakan penglibatan Bumiputera dan memastikan kelangsungan dalam bidang perniagaan dan keusahawan, pembiayaan sebanyak RM200 juta akan ditawarkan melalui Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB). Selain itu, RM300 juta akan disalurkan kepada MARA di mana usahawan Bumputera termasuk institut kemahiran yang terjejas boleh mendapatkan pembiayaan untuk modal kerja.

49. Di samping itu, bagi membantu aliran tunai PKS, mulai awal Julai, SME Bank melalui Skim SME-GO akan menyediakan pembiayaan kepada 16,000 kontraktor Gred G2 dan G3 yang berkelayakan dan telah mendapat projek di bawah PRIHATIN. Bagi memberi kemudahan kepada pihak kontraktor, tiada cagaran atau deposit perlu disediakan.

50. Kerajaan menyeru syarikat berkaitan kerajaan, badan-badan korporat dan institusi kewangan agar mempercepatkan pembayaran kepada pembekal mereka. Beberapa GLC dan badan korporat seperti Axiata, TNB, Telekom Malaysia dan Petronas telahpun berbuat demikian.

51. Oleh kerana pelaksanaan PKP telah menjejaskan aktiviti perniagaan dan menyebabkan masalah aliran tunai, Kerajaan akan memberikan insentif cukai dalam pelbagai bentuk termasuklah potongan cukai berkait dengan perbelanjaan untuk operasi dalam kebiasaan baharu seperti pembelian PPE dan kos ujian saringan. Selain itu, Kerajaan juga akan memberikan remisi penalti untuk bayaran lewat cukai dan juga melanjutkan tempoh perbelanjaan pengubahsuaian dan pembaharuan premis. Tambahan lagi, Elaun Modal Dipercepatkan dan potongan cukai khas sebanyak 30 peratus bagi pengurangan sewa premis akan dilanjutkan.

52. Kerajaan menghargai usaha yang dilakukan oleh Perusahaan Sosial atau Social Enterprise dalam mengimbangi matlamat perniagaan dan tanggungjawab sosial. Saya dimaklumkan semasa tempoh PKP, walaupun beberapa Perusahaan Sosial sukar untuk beroperasi, namun mereka terus berusaha mengumpul dana untuk membantu masyarakat yang disasarkan terutama golongan terpinggir. Kerajaan akan menyediakan geran padanan melalui Malaysian Global Innovation and Creativity Center (MaGIC) berjumlah RM10 juta kepada Perusahaan Sosial yang berjaya mengumpul sumbangan untuk melaksanakan projek sosial bagi menangani isu yang dihadapi oleh komuniti sasar dengan menggunakan kaedah inovatif.

53. Dalam usaha Kerajaan untuk membantu lebih 900 ribu perusahaan kecil dan sederhana dan usahawan tempatan, beberapa langkah dan insentif cukai akan dilaksanakan:

Pertama: Bagi menggalakkan penubuhan entiti baharu PKS, Kerajaan bersetuju untuk memberikan rebat cukai pendapatan sehingga RM20,000 bagi setiap tahun untuk tempoh tiga tahun taksiran pertama tertakluk kepada syarat yang ditetapkan. Rebat cukai pendapatan ini diberikan kepada syarikat baharu yang ditubuhkan dan beroperasi antara 1 Julai 2020 dan 31 Disember 2021; dan

Kedua: Bagi menggalakkan PKS meningkatkan daya saing dalam menjalankan perniagaan melalui skim pencantuman dan pemerolehan atau merger & acquisition, Kerajaan bersetuju memberikan pengecualian duti setem ke atas surat cara berkaitan percantuman atau pemerolehan bagi transaksi yang disempurnakan antara 1 Julai 2020 hingga 30 Jun 2021.

Saudara dan saudari yang saya kasihi sekalian,

54. Secara umumnya COVID-19 telah mengubah cara ekonomi beroperasi. Untuk terus menjadikan negara kita sebagai destinasi pelaburan utama, adalah penting untuk kita memberitahu dunia bahawa ekonomi kita tetap berdaya saing dan terbuka untuk perniagaan. Malaysia kini berada di kedudukan ke-12 di dunia dalam kategori kemudahan menjalankan perniagaan dan ke-3 di Asia Pasifik. Sehubungan itu, PENJANA akan mengumumkan beberapa pakej dan program pelaburan, insentif pengecualian cukai dan kemudahan pembiayaan yang inklusif.

55. Untuk memacu pemulihan ekonomi negara melalui proses digitalisasi perniagaan, Kerajaan akan menubuhkan Dana Penjana Nasional berjumlah RM1.2 bilion dengan peruntukan RM600 juta daripada kerajaan dan dipadankan dengan RM600 juta daripada pelabur domestik dan antarabangsa. Dana ini akan digunakan untuk memupuk inovasi dan mengembangkan bakat modal teroka tempatan atau domestic venture capital. Antara pelabur antarabangsa yang berminat untuk turut serta ialah SK Group, Hanwha Asset Management, KB Investment Co Ltd, Provident Growth, 500 Startups dan The Hive.

56. Untuk melengkapkan usaha digitalisasi, Kerajaan akan memperuntukkan RM100 juta bagi menubuhkan National Technology and Innovation Sandbox yang akan diterajui oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dengan memberi kelonggaran beberapa peraturan untuk menguji cuba teknologi baharu. Contohnya, menguji penghantaran pembelian dalam talian melalui dron dan penggunaan kenderaan pandu sendiri.

57. Untuk terus menggalakkan digitalisasi dalam sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan ke arah Revolusi Industri 4.0, Kerajaan akan menyediakan lebih banyak perkhidmatan secara dalam talian atau e-kaunter. Ini termasuk melaksanakan proses mematikan setem, menyemak dan menuntut Wang Tidak Dituntut bermula 1 Oktober 2020 dan sesi e-temuduga bagi permohonan biasiswa Kerajaan. Sehubungan itu, saya menyeru lebih banyak agensi dan Kementerian untuk merancakkan usaha digitalisasi dan automasi.

58. Untuk menggalakkan rakyat supaya menyokong produk dan perkhidmatan tempatan, Kerajaan juga akan meneruskan kempen “Buy Malaysia”. Antara inisiatif yang akan dilaksanakan termasuklah menggalakkan rangkaian pasar raya besar untuk membuat penandaan produk tempatan dan juga menubuhkan saluran produk Malaysia yang berdedikasi di platform e-dagang.

59. Dalam menjalani kehidupan norma baharu, semakin ramai rakyat Malaysia memilih untuk menggunakan pembayaran tanpa sentuh atau contactless payment. Untuk menggalakkan penggunaan perkhidmatan ini, melalui Program ePenjana yang bernilai RM750 juta, Kerajaan akan mengkreditkan RM50 ke dalam akaun e-dompet pengguna. Ini akan dipadankan dengan tambahan baucar, pulangan tunai dan diskaun berjumlah RM50 daripada syarikat khidmat e-dompet. Inisiatif ini yang akan bermula pada bulan Julai 2020 akan memanfaatkan 15 juta rakyat Malaysia.

60. Untuk merancakkan semula pasaran hartanah, beberapa insentif cukai akan disediakan:

Pertama: Kempen Pemilikan Rumah akan diperkenalkan semula. Melalui kempen ini, pengecualian duti setem akan diberikan ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi pembelian rumah kediaman yang bernilai antara RM300,000 hingga RM2.5 juta. Pengecualian duti setem ke atas suratcara pindah milik adalah terhad kepada RM1 juta pertama nilai rumah kediaman tersebut manakala duti setem sepenuhnya diberikan ke atas perjanjian pinjaman. Pengecualian ini akan berkuatkuasa bagi perjanjian jual beli yang ditandatangani mulai 1 Jun 2020 hingga 31 Mei 2021 tertakluk kepada syarat pemberian diskaun sekurang-kurangnya 10% oleh pihak pemaju; dan

Kedua: Pengecualian Cukai Keuntungan Harta Tanah diberikan kepada individu warganegara Malaysia ke atas pelupusan rumah kediaman yang dibuat mulai 1 Jun 2020 sehingga 31 Disember 2021. Pengecualian ini dihadkan bagi pelupusan tiga unit rumah kediaman sahaja untuk setiap individu.

61. Selain itu, had pembiayaan bagi pinjaman rumah ketiga dan seterusnya bernilai RM600 ribu ke atas tidak lagi tertakluk kepada 70% daripada nilai rumah, semasa tempoh program Kempen Pemilihan Rumah, tertakluk kepada pengurusan risiko dalaman institusi kewangan.

62. Selain itu, bagi menggalakkan pertumbuhan industri automotif negara, Kerajaan bersetuju memberi pengecualian cukai jualan sebanyak 100 peratus ke atas penjualan kereta penumpang pemasangan tempatan, dan 50 peratus bagi kereta penumpang yang diimport bagi tempoh mulai 15 Jun 2020 hingga 31 Disember 2020.

63. Saya mengambil maklum rata-rata rakyat masih berharap perkhidmatan Kerajaan dapat beroperasi di luar waktu pejabat untuk memudahkan urusan dengan agensi-agensi

kerajaan. Sehubungan itu, Kerajaan bersetuju untuk melanjutkan dan menyeragamkan waktu operasi di Pusat Transformasi Bandar atau UTC di seluruh negara berkuatkuasa 1 Julai 2020.

64. Untuk menarik syarikat luar negara memindahkan lokasi perniagaan mereka ke Malaysia yang pastinya akan meningkatkan nilai pelaburan dan menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepasa rakyat, Kerajaan bersetuju untuk memberi galakan cukai seperti berikut:

Pertama: Kadar cukai 0% selama 10 tahun bagi pelaburan baharu dalam sektor pengilangan dengan pelaburan dalam harta tetap antara RM300 juta hingga RM500 juta; dan

Kedua: Kadar cukai 0% selama 15 tahun bagi pelaburan baharu dalam sektor pengilangan dengan pelaburan dalam harta tetap melebihi RM500 juta ke atas.

65. Galakan ini diberikan sekiranya syarikat memindahkan lokasi dan memulakan operasi dalam tempoh 1 tahun dari tarikh kelulusan dan amaun pelaburan yang terlibat mesti dibuat dalam tempoh 3 tahun.

66. Manakala bagi syarikat sedia ada di Malaysia yang memindahkan fasiliti pengilangan luar negara ke Malaysia, mereka layak mendapat galakan elaun cukai pelaburan sebanyak 100% bagi tempoh 5 tahun. Kedua-dua insentif ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima dari 1 Julai 2020 sehingga 31 Disember 2021.

67. Kerajaan juga akan menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM50 juta kepada MIDA untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti promosi dan pemasaran.

68. Seterusnya, bagi membantu syarikat untuk menaiktaraf teknologi, menembusi pasaran global melalui penyumberan luar atau outsourcing dan meningkatkan nilai eksport, Kerajaan bersetuju Dana Strategik Pelaburan Tempatan diberikan untuk pusingan kedua bagi projek dan syarikat yang sebelum ini telahpun layak menerima kemudahan tersebut.

69. Project Acceleration and Coordination Unit (PACU) akan ditubuhkan untuk mempercepatkan pelaksanaan serta penyelarasan projek pelaburan yang diluluskan. Selain

itu, kelulusan lesen pembuatan juga akan dipercepatkan dalam masa dua hari bekerja untuk industri yang tidak sensitif.

70. Sektor pelancongan adalah antara sektor yang terjejas teruk akibat wabak COVID-19. Untuk mengaktifkan semula kegiatan industri pelancongan, beberapa langkah cukai akan dilaksanakan:

Pertama: Perniagaan di bawah industri pelancongan seperti agensi pelancongan, pengusaha hotel dan syarikat penerbangan yang telah diberikan penangguhan bayaran ansuran ke atas anggaran cukai yang kena dibayar bagi tempoh 1 April 2020 hingga 30 September 2020 akan dilanjutkan tempoh penangguhan selama 3 bulan lagi mulai 1 Oktober 2020 hingga 31 Disember 2020;

Kedua: Mengecualikan cukai pelancongan sepenuhnya bagi tempoh mulai 1 Julai 2020 hingga 30 Jun 2021;

Ketiga: Pengecualian cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penginapan yang disediakan oleh pengendali premis penginapan dilanjutkan mulai 1 September 2020 hingga 30 Jun 2021; dan

Keempat: Pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM1,000 yang telah diberikan ke atas perbelanjaan melancong dalam negara dilanjutkan sehingga 31 Disember 2021.

71. Bercakap mengenai industri kreatif, hiburan dan acara, saya juga mendengar keluhan daripada karyawan, pengarah filem, krew produksi dan pengurus acara. Sehubungan itu, beberapa program dan kemudahan kewangan untuk menjana semula industri kreatif negara yang berjumlah sebanyak RM225 juta akan dilaksanakan melalui kerjasama antara MyCreative Ventures, MDEC dan pihak swasta.

72. Bagi industri pertanian dan makanan, kemudahan pinjaman Dana Agrofood sebanyak RM350 juta akan diperuntukkan untuk memastikan kelangsungan pengusaha pertanian dan komoditi dalam sektor ini. Selain itu, Kerajaan juga akan memperkasakan peningkatan mobiliti tenaga kerja pertanian melalui insentif yang diberikan kepada syarikat perintis untuk melatih dan mengajar tenaga kerja untuk menceburi bidang pertanian dan

perladangan. Selain itu, pengusaha pertanian bandar juga akan diberi bantuan bernilai RM500 seorang dan RM50,000 untuk setiap komuniti.

73. Bagi mendorong sektor komoditi, Kerajaan bersetuju memberi pengecualian 100 peratus duti eksport ke atas minyak sawit mentah, minyak isirong sawit mentah dan minyak isirong sawit yang diproses mulai 1 Julai 2020 hingga 31 Disember 2020.

74. Sebagai komitmen Kerajaan untuk mengurangkan impak perundangan COVID-19, Kerajaan bersetuju untuk menggubal Rang Undang-Undang COVID-19 (Langkah Sementara). Rang Undang-Undang ini merupakan pelepasan sementara atau temporary relief daripada tanggungjawab perjanjian bagi suatu tempoh yang ditetapkan. Kerajaan berharap dengan adanya Akta baharu ini, kelangsungan hidup rakyat Malaysia umumnya dapat diteruskan. InshaAllah, Kerajaan akan membentangkan RUU ini pada sesi Parlimen bulan Julai nanti.

Saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

75. Saya ingin memberikan beberapa contoh mudah bagaimana PENJANA dapat memberi manfaat kepada anda sekalian. Misalnya, Kak Radziah pengusaha taska di bawah pakej PRIHATIN telah mandapat manfaat daripada subsidi upah dan sebagai seorang usahawan mikro telah menerima Geran Khas Prihatin sebanyak RM3,000. Di bawah PENJANA, Kak Radziah sekarang dapat menikmati pelanjutan subsidi upah untuk 3 bulan lagi. Di samping itu, dengan pembukaan semula taska selepas PKP, Kak Radziah juga sekarang layak menerima bantuan taska sebanyak RM5,000 dan juga insentif kursus asuhan sebanyak RM900 bagi setiap pekerjanya.

76. Satu lagi contoh ialah Datuk Lim. Di bawah PRIHATIN, Datuk Lim mendapat manfaat daripada moratorium pinjaman bank yang membantu kelangsungan aliran tunai perniagaannya. Selain itu, perniagaan Datuk Lim di bawah PRIHATIN juga dikecualikan levi HRDF. Ekoran pengecualian cukai untuk pembelian rumah dan kereta di bawah PENJANA, Datuk Lim sekarang berminat untuk membeli pangsapuri dan kereta untuk anak dewasanya. Di samping itu, bagi menyokong mengurus perniagaannya dari rumah, Datuk Lim menikmati internet percuma bagi membuat persidangan video dan dapat pengecualian cukai pendapatan untuk pembelian laptop baharunya.

Saudara dan saudari yang saya kasihi sekalian,

77. Sejak penularan wabak COVID-19, Kerajaan telah menerima sumbangan dalam bentuk wang tunai dan peralatan perubatan melalui tabung derma yang uruskan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Sehingga kini, Kerajaan terus menerima permintaan daripada rakyat dan perniagaan yang ingin menyumbang kepada usaha untuk membina semula ekonomi negara.

78. Sehubungan itu, Kerajaan akan menerbitkan Sukuk Prihatin bernilai RM500 juta bagi memenuhi permintaan tersebut yang akan dilaksanakan pada suku ketiga tahun ini. Dengan bertemakan "Daripada Rakyat, Kepada Rakyat", dana yang terkumpul ini akan disalurkan untuk membantu pembiayaan perniagaan perusahaan mikro terutamanya usahawan wanita, penambahbaikan liputan internet jalur lebar di sekolah terutamanya di kawasan luar bandar dan geran penyelidikan penyakit berjangkit. Program ini terbuka kepada orang ramai dan syarikat.

79. Dengan sejumlah 40 inisiatif yang telah saya umumkan tadi, saya berharap semua pihak termasuk sektor swasta dan orang ramai dapat memberikan kerjasama dan memainkan peranan sebaiknya. Saya yakin segala usaha memulih dan merangsang ekonomi yang saya umumkan pada hari ini akan meningkatkan semula keyakinan pelabur, peniaga dan rakyat seluruhnya untuk bersama-sama menjana ekonomi negara.

80. Saya juga ingin memaklumkan sekali lagi, semua Pakej Rangsangan Ekonomi, termasuk langkah-langkah di bawah PENJANA akan terus dipantau pelaksanaannya. Pasukan LAKSANA yang telah ditubuhkan di Kementerian Kewangan akan mempertingkatkan lagi pemantauan terhadap semua inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan.

81. Barisan Jemaah Menteri juga akan bekerja keras untuk memberi khidmat yang terbaik buat anda semua. Saya berharap, usaha Kerajaan ini dapat terus memberi manfaat kepada rakyat. Contohnya seperti Encik Sugu dan Puan Pavithra yang viral di media sosial bulan lepas. Mudah-mudahan mereka dapat meningkatkan kemahiran dan membuka kedai makan pada satu hari nanti. Bolehlah kita merasa ayam varuval mereka.

82. Akhir kata, saya berdoa agar dapat dikawal sebaiknya. Sesuatu yang tidak pernah kita jangkakan akan berlaku, namun itulah kuasa dan perancangan Allah. Sepertimana firman Allah s.w.t. dalam surah Ali-Imran ayat 54:

Sesungguhnya Allah jualah sebaik-baik perancang

83. Buat seluruh rakyat Malaysia, marilah bersama-sama saya dan barisan Jemaah Menteri saya untuk memastikan negara kita terus maju dan gemilang.

Wabillahi al-taufik walhidayah wassalamu'alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh

rujukan: https://www.pmo.gov.my/ucapan/?m=p&p=muhyiddin&id=4576

Teks-Perutusan-YAB-PM-PENJANA-05062020-1Download